

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR  
[ SETIU ]**

**TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR [ SETIU ]** minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan perancangan pihak Kementerian untuk memberikan AP besi kepada pelbagai pihak termasuk persatuan kontraktor bagi menstabilkan harga besi akibat bekalan yang tidak mencukupi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Permit Import/Eksport (AP) besi dan keluli akan dipertimbangkan kepada mana-mana syarikat atau perniagaan berdaftar di Malaysia yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian. Antara syarat-syarat tersebut adalah syarikat perlu mengemukakan dokumen-dokumen penting seperti lesen perniagaan, lesen pengilang, invoice, kontrak jualan, sijil pengilang (*mill certificate*) dan dokumen-dokumen berkaitan. Ini bermakna mana-mana syarikat atau perniagaan termasuklah ahli persatuan kontraktor layak dipertimbangkan AP sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Pada masa ini, hanya terdapat 81 daripada 479 Kod Tarif (*HS Code*) produk besi dan keluli yang masih dikenakan syarat AP oleh Kementerian. Kebanyakannya merupakan bahan mentah bagi kegunaan sektor pembuatan. Antara produk tersebut adalah produk besi dan keluli rata (*flat-rolled products*), tiub dan paip, serta wayar dan kabel. Tujuan syarat AP masih dikenakan ke atas produk-produk ini adalah bagi mengelakkan lambakan di pasaran supaya pembangunan industri besi dan keluli domestik adalah teratur.

Harga besi dan keluli ditentukan oleh pasaran yang dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti berikut:

- i. kesukaran untuk mendapatkan bekalan bijih besi dan permintaan sekerap besi yang tinggi di seluruh dunia yang menyebabkan berlakunya kenaikan harga bahan mentah dalam menghasilkan besi; dan
- ii. pengeluar tidak beroperasi dengan kapasiti penuh dan mengurangkan pengeluaran kerana permintaan yang rendah semasa perintah kawalan pergerakan.